

Langkah inisiatif USIM memartabatkan perkongsian pintar

i-IQRA perkasa sains Islam



Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 17 Sept. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil langkah proaktif mewujudkan Konsortium Institut Pengajian Tinggi Bagi Kualiti Akademik dan Lanjutan Penyelidikan Islam (i-IQRA') ke arah memperkasakan sistem pendidikan bersepadu.

Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan, Prof. Datuk Seri Dr. Ir. Zaini Ujang berkata, inisiatif tersebut akan menjadi platform memartabatkan perkongsian pintar terhadap aktiviti penyelidikan termasuk akademik di antara institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara.

"Kementerian amat mengalu-alukan usaha ini yang bakal menjadikan Malaysia menjadi perintis dan pemimpin kecemerlangan pengajian tinggi khususnya di peringkat global.

"Sebanyak 240 universiti bakal menerima manfaat dalam usaha memperkasakan i-IQRA' yang dilihat dapat mengoptimumkan aktiviti bersama rakan strategik luar negara seperti ASEAN, Asia Tengah dan Asia Barat," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian



DR. Morshidi Sirat (tengah) tertarik melihat risalah i-IQRA sambil diperhatikan oleh Dr. Asma Ismail (kiri) dan Dr. Musa Ahmad selepas merasmikan Konsortium Institut Pengajian Tinggi bagi Kualiti Akademik dan Lanjutan Penyelidikan Islam (i-IQRA') ke arah memperkasakan sistem pendidikan bersepadu di USIM Nilai, Seremban, semalam.

Tinggi Kementerian Pendidikan, Prof. Datuk Dr. Morshidi Sirat.

Yang turut hadir Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Da-

tuk Dr. Musa Ahmad.

Zaini memberitahu, kolaborasi akademik, penyelidikan dan persidangan antara institusi pengajian tinggi (IPT) dan negara anggota mampu meningkatkan kualiti serta

kelestarian ummah.

"Sebagai contoh industri halal yang kini bukan sahaja menjadi tumpuan kepada umat Islam malah di seluruh dunia. Penjenamaan ini turut membuka peluang bagi me-

raih pendapatan.

"Berdasarkan rekod Perbadanan Pembangunan Industri Halal, eksport produk halal tahun lalu mencecah hampir RM33 bilion yang didorong daripada pertumbuhan positif di Indonesia dan China," katanya.

Tambahnya lagi, antara bidang lain yang turut mendapat perhatian termasuk perbankan dan kewangan Islam.

"Oleh yang demikian konsortium ini mampu mengangkat ilmu dalam sistem pengajian tinggi Islam ke arah yang lebih cerah pada masa depan selain mengeratkan lagi hubungan anggotanya," ujarnya.

Di samping itu, jelasnya, pembangunan ilmu sains Islam turut berupaya dikembangkan secara holistik dan sentiasa dinamik dengan peredaran semasa.

"Kita juga akan menawarkan skim, geran penyelidikan ke arah membuka ruang dan peluang kepada penyelidik tempatan untuk menjalankan kajian.

"Kami juga yakin konsortium ini akan menjadi medium untuk mewujudkan percambahan idea melalui penganjuran program seperti seminar, persidangan, penyelidikan serta membida geran antarabangsa," katanya.